

1. Pemohon dinasihatkan membaca dengan teliti arahan-arahan di dalam panduan ini sebelum mengisi borang.
2. Borang ini hendaklah dilengkapkan dengan menggunakan **PEN DAKWAT HITAM/KEKAL** dan ditulis menggunakan **HURUF BESAR**. Borang permohonan boleh dihantar ke mana-mana Pejabat KWSP yang berhampiran secara serahan tangan
3. Berikut merupakan maklumat yang perlu difahami oleh ahli sebelum membuat pilihan:

Bil	Perkara	i-Saraan (sebelum ini dikenali sebagai SP1M)	i-Suri
1.	Objektif	Tujuan insentif ini diperkenalkan bagi menggalakkan golongan yang bekerja sendiri mencarum secara sukarela mengikut kemampuan ahli bagi tujuan simpanan persaraan.	Tujuan insentif ini diperkenalkan untuk: i. Menjaga kebajikan wanita sebagai suri rumah atau ketua keluarga dan mengiktiraf sumbangan mereka dalam kesejahteraan keluarga dan pembangunan negara. ii. Menggalakkan pihak suami membuat caruman bulanan secara sukarela mengikut kemampuan ke akaun KWSP isteri yang tidak bekerja sebagai perlindungan persaraan dan asas keselamatan sosial iii. Memberi perlindungan persaraan dan asas keselamatan sosial kepada wanita yang menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga
2.	Syarat Kelayakan Pendaftaran	i. Warganegara Malaysia ii. Mana-mana orang yang bekerja sendiri atau tiada pendapatan tetap seperti pemandu teksi, penjaja, petani, nelayan, perunding bebas, suri rumah, kakitangan kerajaan yang bertaraf pencen	i. Warganegara Malaysia ii. Isteri kepada Ketua Isi Rumah (KIR)/Wanita (KIR) yang berdaftar dalam Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) mengikut senarai yang dibekalkan setiap tahun oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri iii. Belum mencapai umur 60 tahun
3.	Insentif Khas	i. Mendapat Insentif Khas sebanyak 15% setahun tertakluk kepada jumlah maksimum RM250 setahun. ii. Insentif ini hanya untuk sepanjang tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan. iii. Insentif ini terhad kepada ahli yang berumur di bawah 55 tahun sahaja dan akan dikreditkan ke dalam Akaun 1 iaitu akaun persaraan.	i. Mendapat Insentif Khas sebanyak minimum RM40 sebulan tertakluk kepada jumlah maksimum RM480 setahun ii. Insentif ini hanya dibayar sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Tersenarai di dalam data e-Kasih terkini • Belum mencapai umur 60 tahun • Terdapat caruman sukarela yang dibuat ke akaun KWSP ahli berjumlah RM5 sekurang-kurangnya sebulan atau RM60 setahun.

4. Berikut adalah panduan mengisi borang :-

(A) KATEGORI INSENTIF

Sila tandakan (X) pada salah satu pilihan sahaja.

(B) MAKLUMAT AHLI

Lengkapkan Nama dan Nombor MyKad mengikut maklumat di dalam MyKad pemohon. Butiran seperti Tarikh Lahir, Jantina, Agama dan Bangsa juga perlu dilengkapkan.

Ruangan Bidang Pekerjaan hanya diisi oleh ahli yang memilih **i-Saraan** sahaja.

(C) BUTIRAN KOMUNIKASI

Lengkapkan maklumat komunikasi **terkini** pemohon iaitu Alamat Surat-Menyurat, Nombor Telefon Rumah, Telefon Bimbit, Telefon Pejabat, E-mel.

(D) PENDAFTARAN TELEFON TAC DAN i-AKAUN

Maklumat No. Telefon TAC hanya dilengkapkan sekiranya permohonan dibuat oleh ahli sendiri melalui serahan kaunter.

(E) PENGESAHAN AHLI

- i. Pemohon perlu membaca dan memahami kandungan PENGESAHAN AHLI sebelum menurunkan cap ibu jari kanan dan kiri.
- ii. Cap ibu jari mestilah diturunkan dengan terang dan jelas menggunakan pad cap jari berwarna hitam di dalam ruangan yang disediakan seperti panduan di bawah :-

